

GARIS PANDUAN GERAN PENERBITAN ANTARABANGSA UMP



KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	MUKASURAT
1.1 Definisi dan Tujuan	3
1.2 Syarat-Syarat Permohonan	4
1.3 Peruntukan Siling Permohonan	5
1.4 Tempoh Permohonan	5
1.5 Peraturan Kewangan	5
1.6 Hasil Penyelidikan	8
BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	
2.1 Penilaian Peringkat Fakulti/CoE/PTJ	10
2.2 Penilaian Peringkat Universiti	10
2.3 Kelulusan Khas Penyelidikan	11
2.4 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	11
BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)	
3.1 Pemantauan Laporan Kemajuan Projek	12
3.2 Pemantauan Laporan Akhir Projek	12
3.3 Projek Tidak Aktif	13
LAMPIRAN	
Carta Alir Proses Kerja	14

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)

1.1 DEFINISI DAN TUJUAN

i) **Geran Penerbitan Antarabangsa UMP – Kod Geran RDUXX33YY**

Geran yang diwujudkan untuk memberikan pendedahan kepada penyelidik UMP dalam usaha membantu, memupuk dan menggalakkan keupayaan penyelidik dalam penghasilan penerbitan yang berimpak, bermutu tinggi dan berindeks dengan kolaborasi antarabangsa di samping dapat memperkukuhkan jalinan kerjasama institusi pendidikan kedua-dua belah pihak.

ii) Geran ini ditawarkan kepada penyelidik yang memperoleh kolaborasi antarabangsa dalam aspek penerbitan yang boleh terdiri daripada universiti awam atau universiti swasta yang tersenarai dalam **Top 50 QS World University Ranking mengikut bidang masing-masing**. Keutamaan akan diberikan bagi negara-negara seperti yang disenaraikan berikut :

- a) Australia
- b) China
- c) German
- d) India
- e) Jepun
- f) Turki
- g) United Kingdom (UK)
- h) United States of America (USA)

Walaupun bagaimanapun, JKPP berhak menerima universiti yang tercalon di luar *ranking* atas justifikasi yang munasabah.

iii) Pembiayaan geran ini meliputi semua bidang penyelidikan dan pengajian atau fokus nric yang terdapat di UMP.

*** XX – tahun & YY – bilangan geran semasa*

1.2 SYARAT- SYARAT PERMOHONAN

- i) Permohonan terbuka kepada staf akademik (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan & Pensyarah) termasuk yang belum disahkan jawatan dan kontrak. Staf kontrak perlu mempunyai ahli dari kalangan staf berjawatan tetap.
- ii) Pensyarah sambilan, cuti belajar dan yang dalam cuti sabbatical adalah tidak layak untuk memohon geran ini.
- iii) Penyelidik hanya dibenarkan mengetuai satu (1) projek penyelidikan Geran Penerbitan Antarabangsa UMP dalam satu-satu masa. Penyelidik hanya dibenarkan untuk memohon geran yang baru apabila Geran Penerbitan Antarabangsa UMP terdahulu telah selesai, mencapai KPI/hasil penyelidikan dan mengemukakan laporan akhir ke JPI.
- iv) Setiap geran/projek perlu mempunyai sekurang-kurangnya 2 ahli projek dan maksimum 5 ahli tidak termasuk ahli kolaborator antarabangsa.
- v) Ahli kolaborator antarabangsa mestilah terdiri daripada *Subject Expert* yang mempunyai rekod penyelidikan dan pengalaman yang meluas dalam bidang penyelidikan yang dipohon. Pemohon mestilah mengemukakan bukti-bukti dokumen berkaitan *Subject Expert* seperti H-Index, penerbitan berimpak tinggi serta senarai geran yang pernah diperolehi oleh kolaborator antarabangsa tersebut.
- vi) Pemohon mestilah melampirkan bersama surat persetujuan kerjasama / surat tawaran kerjasama / surat setuju terima dengan menyatakan komitmen dan hasil penerbitan rakan kerjasama dalam projek penerbitan tersebut.

1.3 PERUNTUKAN SILING PERMOHONAN

Jumlah peruntukan bagi Geran Penerbitan Antarabangsa UMP adalah seperti berikut :

Jenis Geran	Peruntukan Siling Permohonan
Geran Penerbitan Antarabangsa UMP	Jumlah peruntukan minimum adalah RM 10,000 Jumlah peruntukan maksimum adalah RM 40,000

1.4 TEMPOH PERMOHONAN

- i) Tempoh bagi geran/projek ini adalah sekurang-kurangnya 12 bulan hingga maksimum 24 bulan.
- ii) Sebarang permohonan pelanjutan adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali dengan kelulusan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi.

1.5 PERATURAN KEWANGAN

- i) Prosedur perolehan / pembelian / perbelanjaan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan terkini dan Peraturan Kewangan Universiti yang sedang digunapakai dan berkuatkuasa.
- ii) Perbelanjaan peruntukan Geran Penerbitan Antarabangsa UMP **hanyalah** dibenarkan untuk diguna pakai bagi vot seperti berikut :

a) Vot 11000 – Gaji & Upah

- Peruntukan V11000 hanya dibenarkan untuk pembayaran gaji dan upah bagi lantikan Skim Pembantu Penyelidik Siswazah (SPPS).
- Kadar maksima bagi peruntukan V11000 adalah RM 25,000.
- Pelantikan Skim Pembantu Penyelidik Siswazah (SPPS) adalah bagi pelajar Sarjana dan PhD UMP mod penyelidikan secara sepenuh

masa dengan kadar maksimum bagi pembayaran pelajar Sarjana adalah RM 1,500/bulan dan pelajar PhD adalah RM 1,800/bulan.

- Ketua Projek yang perlu menentukan kadar pembayaran yang sesuai bagi gaji dan upah pelajar berdasarkan skop kerja penyelidikan, baki nilai vot yang ada, had maksima yang termaktub dan elaun lain yang diterima oleh pelajar seperti MRS/DRS.
- Bagi pelajar yang mendapat MRS/DRS dari IPS atau bantuan kewangan dari agensi lain adalah dibenarkan memohon bagi pelantikan SPPS dibawah geran penyelidikan.
- Ketua Projek bertanggungjawab memaklumkan secara bertulis kepada JPI bagi penamatan/pemberhentian SPPS dibawah projek penyelidikan.

b) Vot 21000 – Perjalanan & Pengangkutan

- Peruntukan V21000 hanya dibenarkan untuk perjalanan dan pengangkutan (TNT) yang diperlukan dan terlibat secara langsung dengan projek penyelidikan.
- Kadar maksima bagi peruntukan V21000 adalah RM 10,000.
- Peruntukan TNT untuk kerja-kerja berkaitan projek penyelidikan yang melibatkan aktiviti luar negara iaitu TNT penyelidik menjalankan aktiviti pengumpulan data, soal selidik, kajian dan kerja lapangan adalah dibenarkan.
- Peruntukan TNT untuk menghadiri persidangan, seminar, bengkel, simposium, latihan dan pameran adalah tidak dibenarkan.
- Pembayaran TNT kolaborator antarabangsa adalah dibenarkan mengikut baki peruntukan V21000 dengan kelulusan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).

c) Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

- Peruntukan V27000 hanya dibenarkan untuk pembelian bekalan dan bahan penyelidikan yang diperlukan dan terlibat secara langsung dengan projek penyelidikan.

d) Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas

- Peruntukan V29000 hanya dibenarkan untuk khidmat teknikal, pemprosesan data dan bacaan prof.
 - Bayaran perkhidmatan kepada individu adalah tidak dibenarkan.
- iii) Penyelidik tidak boleh menggunakan peruntukan geran penerbitan melebihi jumlah yang diluluskan berdasarkan agihan setiap vot dan juga baki keseluruhan projek.
- iv) Bagi tuntutan kewangan projek tamat adalah diberikan masa selama 3 bulan selepas tarikh tamat untuk menyelesaikan semua tuntutan dengan syarat perbelanjaan tersebut adalah tempoh geran aktif.
- v) Tuntutan kewangan hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Projek.
- vi) Bagi projek yang didaftarkan di bawah CoE sebagai PTJ pertama, semua kelulusan pembayaran dan perolehan perlu melalui Pengarah CoE sebelum di proses kewangan fakulti.

1.6 HASIL PENYELIDIKAN

- i) Geran/Projek yang diluluskan adalah diwajibkan menghasilkan output berdasarkan tujuan geran itu ditawarkan.
- ii) Setiap Geran Penerbitan Antarabangsa UMP yang diluluskan diwajibkan menghasilkan output seperti berikut :

Peruntukan Geran	Petunjuk Prestasi Utama (KPI) & Hasil Penyelidikan Bagi Projek
RM 10,000-RM 20,000	Penerbitan 2 Artikel WoS & 1 Artikel Berindeks Scopus Modal Insan 1 Pelajar Pasca-siswazah Memorandum of Agreement (MoA) 1 MoA
RM 20,001-RM 30,000	Penerbitan 3 Artikel WoS (Sekurang-kurangnya 1 Q1) & 1 Artikel Berindeks Scopus Modal Insan 1 Pelajar Pasca-siswazah Memorandum of Agreement (MoA) 1 MoA
RM 30,001-RM 40,000	Penerbitan 4 Artikel WoS (Sekurang-kurangnya 2 Q1) & 1 Artikel Berindeks Scopus Modal Insan 1 Pelajar Pasca-siswazah Memorandum of Agreement (MoA) 1 MoA

- iii) Semua KPI ditentukan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Projek Penyelidikan (JKPP) mengikut kesesuaian. KPI ini boleh ditambah mengikut keputusan mesyuarat.

- iv) Setiap penerbitan harus memenuhi kriteria seperti berikut :
 - a) Penerbitan yang diterbitkan merupakan karya asli;
 - b) Jumlah penulis dalam penerbitan perlulah tidak melebihi 5 orang termasuk ahli kolaborator antarabangsa kecuali dengan kelulusan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi;
 - c) Menyatakan afiliasi kepada pihak UMP samada fakulti atau CoE di bahagian utama maklumat pengarang di dalam penerbitan;
 - d) Menyatakan penghargaan penerbitan (*acknowledgement*) kepada nama Geran Penerbitan Antarabangsa, UMP dan penaja sekiranya ada;
 - e) Setiap penerbitan perlulah menyatakan nama ketua projek dan ahli kolaborator antarabangsa;
 - f) Penyelidik perlu melaporkan hasil penerbitan dengan menggunakan format laporan perkembangan / laporan akhir yang telah diulas dan diluluskan oleh pihak fakulti;
 - g) Penyelidik perlu merekod dan memuat naik penerbitan tersebut di dalam Sistem Penerbitan (UMPIR) dalam tempoh yang ditetapkan;
 - h) Penyelidik juga perlu memasukkan data artikel jurnal dan modal insan ke Sistem Penyelidikan (IRIMS UMP). Sistem ini akan melaporkan pencapaian penyelidik terus kepada sistem Jabatan Pendaftar bagi urusan perkhidmatan staf.

BAHAGIAN 2 (PENILAIAN PERMOHONAN)

2.1 PENILAIAN PERINGKAT FAKULTI/CoE

Proposal Geran Penerbitan Antarabangsa UMP hendaklah dinilai, diulas dan disokong pada peringkat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti atau CoE sebelum dikemukakan permohonan kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI).

2.2 PENILAIAN PERINGKAT UNIVERSITI

- i) Ketua Projek perlu membentangkan proposal geran untuk penilaian dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Projek Penyelidikan (JKPP) UMP.
- ii) Ahli Jawatankuasa Mesyuarat JKPP Geran Penerbitan Antarabangsa UMP
Pengerusi : Dekan Penyelidikan JPI
Ahli : Timbalan Dekan Penyelidikan Fakulti
Pengarah CoE
Panel Penilai Geran Iantikan universiti
(berdasarkan domain penyelidikan)
Urusetia : Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- iii) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa ini mestilah sekurang-kurangnya lima (5) ahli termasuk Pengerusi.
- iv) Jika Pengerusi tidak dapat menghadiri/mempengerusikan mesyuarat, Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli untuk mempengerusikan mesyuarat.

2.3 KELULUSAN KHAS PENYELIDIKAN

- i) Penyelidikan berhubung dengan LMO/GMO (*Living Modified Organism/Genetic Modified Organism*), *Experimental Animal* dan *Human Subjects* perlu mematuhi akta berkaitan dengan membuat satu deklarasi semasa permohonan geran dan memohon kelulusan dari jawatankuasa yang bertanggungjawab setelah dana penyelidikan diluluskan sebelum menjalankan penyelidikan.
- ii) Jawatankuasa yang terlibat adalah seperti berikut
 - LMO/GMO - *Institutional Biosafety & Biosecurity Committee (IBBC UMP)*.
 - *Experimental Animal* - *Institutional Animal Care & Use Committee UMP (IACUC UMP)*
 - *Human Subjects* - *Human Ethics Committee* (kerjasama dengan universiti awam lain)

2.4 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

Jumlah peruntukan yang disalurkan adalah berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Mesyuarat JKPP dan surat makluman kod geran/projek akan dikeluarkan kepada penyelidik untuk tujuan rekod. Semua rekod geran akan dikemaskini melalui Sistem IRIMS dan HRIMS.

BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)

3.1 PEMANTAUAN LAPORAN KEMAJUAN PROJEK

- i) Penghantaran laporan kemajuan geran/projek adalah berdasarkan takwim yang disediakan oleh JPI atau setiap 6 bulan sekali. Ianya tertakluk kepada projek yang telah melepasi tempoh minima 6 bulan dari tarikh mula projek.
- ii) Laporan kemajuan geran/projek hendaklah dihantar ke JPI dengan menggunakan Format Laporan Kemajuan Geran Penerbitan Antarabangsa UMP dan juga perlu dimuatnaik ke Sistem IRIMS UMP.
- iii) Kegagalan penyelidik mengemukakan laporan kemajuan projek pada masa yang ditetapkan boleh menyebabkan:
 - semua aktiviti dan kewangan berkaitan projek lain penyelidik akan digantung atau dibekukan;
 - penyelidik disenarai hitamkan daripada membuat permohonan Geran Penerbitan Antarabangsa UMP baharu pada masa akan datang;
 - direkodkan dalam fail peribadi penyelidik.
 - perkara-perkara di atas akan dilaksanakan sehingga laporan diterima 14 hari selepas notis peringatan akhir dikeluarkan.
- v) Semua ahli projek turut perlu bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengemukakan laporan kemajuan projek.

3.2 PEMANTAUAN LAPORAN AKHIR PROJEK


- i) Ketua Projek perlu mengemukakan laporan akhir projek ke JPI dengan menggunakan Format Laporan Akhir Geran Penerbitan Antarabangsa UMP dan juga perlu dimuatnaik ke Sistem IRIMS UMP dalam tempoh masa 3 bulan selepas projek tamat.

- ii) Maklumat Hasil Penerbitan dan Modal Insan perlu dimasukkan ke sistem IRIMS UMP.
- iii) Kegagalan penyelidik mengemukakan laporan akhir projek pada masa yang ditetapkan boleh menyebabkan:
 - semua aktiviti dan kewangan berkaitan projek lain penyelidik akan digantung atau dibekukan;
 - penyelidik disenarai hitamkan daripada membuat permohonan Geran Penerbitan Antarabangsa UMP baharu pada masa akan datang;
 - direkodkan dalam fail peribadi penyelidik;
 - perkara-perkara di atas akan dilaksanakan sehingga laporan diterima 14 hari selepas notis peringatan akhir dikeluarkan.
- iv) Semua ahli projek turut perlu bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengemukakan laporan akhir projek.
- v) Projek yang telah mengemukakan laporan akhir dan mencapai KPI akan ditukar status kepada Selesai Mencapai KPI.
- vi) Pihak JKPP berhak menolak / menilai semula jumlah peruntukan permohonan Geran Penerbitan Antarabangsa UMP baharu jika KPI projek penyelidik sebelum ini tidak mencapai KPI yang diberikan.

3.3 PROJEK TIDAK AKTIF

- i) Projek/Geran yang tidak aktif/tidak berbelanja setelah 6 bulan diluluskan perlu mengemukakan justifikasi sebelum projek/geran ditutup dengan notis 14 hari kepada Ketua Projek dan akan direkod dalam fail peribadi staf.

LAMPIRAN CARTA ALIR PROSES KERJA GERAN PENERBITAN ANTARABANGSA UMP



**Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Daru Makmur**